

30/09/1997

Keperluan serantau bukan halangan

Manja Ismail

SANTIAGO, Isnin - Malaysia meminta rakan dagangnya tidak menjadikan keperluan serantau sebagai halangan kepada usaha untuk meningkatkan hubungan ekonomi yang lebih luas.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia dan Chile dihubungkan dengan entiti serantau yang lebih besar menerima hakikat bahawa tarikan pasaran serantau yang lebih besar akan menjadikan pertimbangan dua hala tertakluk kepada keperluan serantau.

Berucap pada jamuan Perdagangan Chile-Malaysia di sini, Perdana Menteri berkata, keadaan itu bagaimanapun tidak seharusnya menjadi halangan kepada usaha negara terbabit dalam meningkatkan jalinan ekonomi.

"Malaysia sentiasa komited kepada persekitaran perdagangan pelbagai hala yang adil dan terbuka serta percaya dan mengamalkan dasar ketelusan dan mudah diramal," katanya sambil menambah, Malaysia sedar pelbagai perkembangan berlaku di Amerika Selatan sekarang.

Sama seperti Malaysia yang menjadi anggota Asean, Chile dan beberapa rakan dagang Malaysia di rantau ini menyertai Suruhanjaya Amerika Latin dan Caribbean (Mercosur). Kedua-dua negara itu juga ialah anggota kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Kumpulan 15 Negara Membangun (G-15).

Chile, yang ekonominya kini yang paling pesat di Amerika Selatan, juga akan diterima sebagai anggota baru Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara, yang kini dianggotai Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada.

Malaysia ketika ini mempunyai jumlah perdagangan yang besar dengan negara-negara Amerika Selatan, terutama Chile dan Argentina sejak Dr Mahathir melakukan lawatan ke benua ini pada 1991.

Dengan Chile saja, nilai perdagangan Malaysia meningkat secara mendadak sejak lima tahun lalu, daripada RM146.92 juta pada 1990 kepada RM624.52 juta tahun lalu. Bagi suku pertama tahun ini, kedua-dua negara mencatat nilai dagang RM350.9 juta.

Perdana Menteri berkata, proses globalisasi sekarang merapatkan hubungan rakyat dari semua benua. Perbezaan budaya, nilai, agama dan bahasa tidak lagi menjadi penghalang dalam usaha memperluaskan hubungan ekonomi.

"Sementara Chile dan Malaysia mungkin mempunyai latar belakang yang berbeza, tradisi bertolak ansur dan saling memahami dalam sebuah masyarakat kosmopolitan, akan membantu usaha mengadakan pakatan strategik antara satu dengan lain.

"Malah kepelbagaian budaya dan amalan di kedua-dua negara ini mengukuhkan lagi potensi ke arah inovasi dan kemajuan," katanya sambil menjelaskan, kunjungan beliau ke rantau ini adalah usaha berterusan Malaysia untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan dengan negara Selatan.

Menurut Dr Mahathir, jarak tidak lagi menjadi penghalang hubungan ekonomi di kalangan negara Selatan berikutan wujudnya rangkaian pengangkutan yang cekap.

Kerana itu, walaupun negara maju penting untuk memasarkan barangan, negara membangun tidak harus lupa bahawa faedah besar yang diperolehi daripada kerjasama kukuh Selatan-Selatan dalam bidang pelaburan dan perdagangan.

Sebelum itu, Perdana Menteri menaiki kereta api bersama Presiden Chile, Eduardi Frei Ruiz-Tagle ke San Bernado, kira-kira 45 kilometer dari sini untuk melancarkan projek membina sebuah bandar baru.

Projek yang membabitkan tapak bengkel kereta api lama itu, dimajukan

secara usaha sama oleh Pertubuhan Selatan-Selatan Malaysia Sdn Berhad
dengan konsortium serupa di negara ini.

(END)